

BAHAN MENTAH

Bahan-bahan mentah:

Syarikat sangat teliti dalam memilih herba-herba yang dijadikan bahan utama dalam ubat-ubatan tradisionalnya. Hanya herba-herba yang mempunyai nilai perubatan yang tinggi dan bermutu sahaja menjadi pilihan.

Antara herba-herba tempatan yang digunakan syarikat dalam penghasilan produk-produk berasaskan herbanya ialah:

Mas Cotek (*Ficus deltoidea*), Misai Kucing (*Orthosiphon grandiflorus*), Serai Wangi (*Cymbopogon nardus*), Jerangau Merah (*Acorus calamus*), Kayu Putih (*Melaleuca leucodendron*), Raja Kayu, Bunga Merah, Kasturi

Syarikat juga mendapatkan bahan mentahnya dari negara luar. Antara herba yang diimport dari India dan Somalia ialah apa yang disebut dalam buku-buku perubatan tradisional Ayurveda di India sebagai "Tiga Raja Kayu", iaitu tiga jenis herba yang menjadi ramuan utama ubat tradisional, yang mana tanpanya tidak lengkaplah khasiat yang dihasilkan bagi ubat tradisional.

Pada masa ini hampir 60 peratus daripada bahan mentah keperluan syarikat adalah yang diimport.



PROSES PENGILANGAN

Carta aliran pengeluaran

Proses pengeluaran produk-produk berasaskan herba syarikat dapat dilihat berdasarkan carta di bawah ini:



Amalan pengilangan

Syarikat sentiasa mengamalkan amalan-amalan pengilangan yang baik dengan menitik-beratkan aspek kebersihan yang meliputi perkara-perkara berikut:

- Bangunan kilang dan persekitarannya;
- Mesin-mesin dan kelengkapan;
- Operasi;
- Pekerja-pekerja.

Pada setiap peringkat pengeluaran, syarikat mengambil langkah bersesuaian bagi memastikan amalan kebersihan dipraktikkan bagi mengelakkan jangkitan bakteria.

Proses pengeringan herba tidak dijalankan dengan menjemur di bawah panas terik matahari, tetapi dengan menggunakan kaedah pancaran gamma yang menghapuskan kulat tetapi mengekalkan khasiat herba.

Botol-botol yang digunakan bukan hasil kitar-semula.

Kapsul-kapsul bagi ubat penghasilan diperbuat daripada gelatin yang halal

Aktiviti pengilangan

Berikut adalah antara aktiviti-aktiviti yang terlibat dalam proses pengilangan ditunjukkan dalam bentuk gambar.

Aktiviti PENGILANGAN TONIC/CECAIR



- *Mencampurkan herba yang telah dibersihkan dan dikeringkan dengan air.*



- *Memasak campuran herba dan air pada tahap kepanasan yang betul dan jangka masa memasak yang sesuai.*



- *Mengisi ubat yang terhasil ke dalam botol yang telah terlebih dahulu dipastikan kebersihannya.*



- *Menutup mulut botol yang telah diisi dengan penutupnya. Menampal label produk pada botol.*

Aktiviti Pembungkusan



• Memasukkan botol ke dalam Pembungkus



• Memasukkan produk yang telah siap ke dalam kotak kadbod.



• Memeriksa dan sedia untuk diedarkan

